



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

---

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1994

---

**BAYARAN INSENTIF PENTADBIRAN HOSPITAL**

**TUJUAN**

1.1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan meminda kadar dan menukar nama Elaun Pentadbiran Hospital yang diperuntukkan melalui perenggan B.13 Lampiran D6, [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991](#).

**BAYARAN INSENTIF PENTADBIRAN HOSPITAL**

2.1. Kerajaan telah menyemak semula kadar, nama dan kaedah pembayaran Elaun Pentadbiran Hospital. Elaun Pentadbiran Hospital adalah ditukar

nama kepada Bayaran Insentif Pentadbiran Hospital (BIPH). Kadar baru dan kaedah pembayaran adalah seperti berikut:

Gred JKK	Sistem Saraan Baru			Kadar Sebulan (RM)
	Gred	Kategori	Gaji(RM)	
Tingkatan Biasa (A14/A15)	U3	IV	2,403.00 ke bawah	840.00
Tingkatan Kanan (A11)	U3	IV	2,404.00 ke atas	910.00
Tingkatan Tertinggi 'G' (A10)	U2	II	3,272.00 ke bawah	1,050.00
Tingkatan Tertinggi 'F' (A09)	U2	II	3,273.00 ke atas	1,190.00
Tingkatan Tertinggi 'E' (A08)	U1	I	3,564.00 hingga 3,871.00	1,330.00
Tingkatan Tertinggi 'D'	U1	I	3,872.00 ke atas	1,540.00

Tingkatan Tertinggi 'C' dan ke atas	Gred Utama/ Gred Khas C dan ke atas	-		1,680.00
--	---	---	--	----------

### **SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN**

3.1. BIPH adalah dibayar hanya kepada Pegawai Perubatan yang mempunyai kelulusan lepasan ijazah dalam bidang Pentadbiran Hospital dan menjalankan tugas dalam bidang tersebut. Senarai kelulusan-kelulusan yang diiktiraf dalam bidang Pentadbiran Hospital adalah seperti di [Lampiran A](#).

3.2. Pegawai Perubatan yang menjalankan tugas dalam bidang Pentadbiran Hospital tetapi tidak mempunyai kelulusan lepasan ijazah dalam bidang Pentadbiran Hospital tidak layak dibayar BIPH. Walau bagaimanapun, Pegawai Perubatan yang tidak mempunyai kelulusan lepasan ijazah dalam bidang Pentadbiran Hospital tetapi telah menjalankan tugas sebagai Pengarah/Penguasa Perubatan Hospital atau Pegawai Perubatan Yang Menjaga Hospital dan telah dibayar BIPH sebanyak RM250.00 berdasarkan surat Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA(S)81/8/5-2 Klt.3/(69) bertarikh 14 September 1993,

boleh terus dibayar BIPH atas kadar tersebut selagi masih menjalankan tugas berkenaan. Pembayaran BIPH hendaklah diberhentikan apabila Pegawai Perubatan berkenaan ditukarkan ke jawatan lain yang tidak menjalankan tugas pentadbiran hospital.

3.3. BIPH boleh terus dibayar apabila seseorang pegawai itu bercuti bergaji penuh. Jika pegawai bercuti setengah gaji, maka pegawai hanya layak dibayar setengah daripada kadar BIPH yang ditetapkan. Selanjutnya jika pegawai bercuti tanpa gaji maka BIPH tidak akan dibayar.

3.4. Pegawai yang ditahan kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib dan dibenarkan menerima setengah atau sebahagian daripada gaji bulanannya akan dibayar sebahagian daripada kadar BIPH yang dilayakinya mengikut peratusan yang sama dengan pengiraan gaji pokoknya. Sekiranya pegawai dikenakan hukuman tatatertib supaya gaji atau pangkatnya diturunkan maka pegawai hanya layak dibayar BIPH mengikut kadar bayaran gaji atau pangkat yang diterima selepas diturunkan gaji atau pangkat itu.

3.5. Kadar baru BIPH hanya dibayar kepada Pegawai-pegawai Perubatan yang layak dan masih berkhidmat pada 28 April 1993. Pegawai-pegawai yang layak dan telah bersara antara tarikh 1 Januari 1990 hingga 28 April 1993 juga boleh dibayar kadar baru ini.

## **PEMBATALAN**

4.1. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, syarat-syarat pembayaran BIPH di perenggan B.13 Lampiran D6 dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991](#) dan surat JPA(S)81/8/5-2 Klt.3/(69) bertarikh 14 September 1993 adalah dibatalkan.


## **TARIKH KUATKUASA**

5.1. Kadar-kadar baru ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1990. Pemberhentian bayaran BIPH atas kadar RM250.00 kepada Pegawai Perubatan yang tidak mempunyai lepasan ijazah ialah pada tarikh semasa apabila diarah bertukar ke jawatan lain yang tidak menjalankan tugas pentadbiran hospital.

## **PEMAKAIAN**

6.1. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan-perkhidmatan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL SALAM)  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

7 April 1994

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan

**SENARAI IJAZAH-JAZAH LANJUTAN YANG DIIKTIRAFKAN  
SEBAGAI KELULUSAN-KELULUSAN YANG LAYAK MENDAPAT  
BAYARAN INSENTIF PENTADBIRAN HOSPITAL**

**PENTADBIRAN HOSPITAL**

1. Graduate Diploma/Master In Health Administration, University of New South Wales, Sydney.
2. Master of Health Planning, University of New South Wales, Sydney.
3. Master of Hospital Administration, Institute of Public Health, University of Philippines, Philippines.
4. Post Graduate Diploma/Master in Hospital and Health Services Administration, South Bank Polytechnic sekarang dikenali sebagai University of South Bank, London.